

'Waspada bahaya dadah'

SU penagihan dadah berlarutan walaupun Malaysia sudah mencapai kemerdekaan hampir 51 tahun lalu. Malah, lebih memburukkan keadaan ramai rakyat negara ini terlibat dengan masalah penyeludupan dadah akibat terpedaya dengan janji manis pihak-pihak terbabit yang menjanjikan gaji lumayan dengan bekerja di luar negara.

Sempena sambutan Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) 2008, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyampaikan mesej jelas kepada rakyat Malaysia mengenai bahaya dadah dalam kehidupan.

Ikuti wawancara wartawan *Utusan Malaysia*, MOHD. FAIRUZ YUSOF dengan Syed Hamid di Parlimen baru-baru ini.



SYED HAMID ALBAR

Utusan Malaysia : Boleh Datuk Seri jelaskan mengenai tema sambutan Hari Antidadah Antarabangsa 2008?

Syed Hamid : Tema Hari Antidadah Antarabangsa yang diputuskan oleh *United Nations Office on Drugs and Crimes* (UNODC) bagi sesi 2007/2009 ialah *Drug Control* melalui slogannya ialah "Do Drugs Control Your Life?"

Kekuatan AADK adalah di negeri dan daerah-daerah di mana setiap program pencegahan serta rawatan dan pemulihan memerlukan penglibatan aktif semua ahli masyarakat.

u.nh 26/06/08 M/S 27

Your Life, Your Community. No Place for Drugs". Slogan yang kita terjemahkan daripada tema tersebut ialah bagi sesi Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) 2007/2009 ialah Dadah Pemusnah... Musnahkan Dadah.

Maknanya kita mengambil pendekatan menyeru semua ahli masyarakat sivil bangkit menentang dadah melalui kaedah memastikan keluarga dan persekitaran mereka adalah bebas daripada anasir-anasir gejala dadah. Orang ramai perlu dimaklumkan tentang kesan bahaya dadah yang boleh memusnahkan apa yang kita ada pada hari ini seperti anak-anak, keluarga, jiran dan masyarakat amnya. Jadi mereka perlu bangkit menentangnya.

Apakah signifikannya sambutan ini dalam usaha membasmi gejala dadah di negara ini?

Syed Hamid : Isu tentang bahaya dadah telah lama dipertanyakan dan sentiasa dibendung oleh kerajaan daripada terus merebak. Sehingga kini, negara masih berhadapan dengan masalah ini walaupun hampir 51 tahun mengecap nikmat kemerdekaan.

Namun perlu diingat bahawa dadah merupakan masalah global tanpa sempadan yang mana ia sentiasa wujud baik dari segi penawaran mahupun permintaan bekalan dadah di mana-mana negara di dunia ini.

Menurut laporan United Nations Office on Drugs and Crimes (UNODC), pada tahun 1998 dianggarkan penanaman global pokok popi adalah seluas 238,000 hektar dengan 55 peratus berada di Myanmar dan 27 peratus di Afghanistan.

Sejak itu pelbagai usaha dibuat

untuk mengurangkan jumlah ini terutamanya di kawasan Segitiga Emas melibatkan sempadan Laos, Myanmar dan Thailand terutamanya dengan pengenalan tanaman gantian seperti kacang, koko, kelapa, produk tenusu dan sebagainya bagi mengelakkan petani kehilangan sumber pendapatan apabila tanaman popi dimusnahkan oleh polisi antidadah kerajaan dan antarabangsa.

Pada tahun 2007 pula UNODC menganggarkan seluas 193,000 hektar kawasan pertanian di Afghanistan ditanam dengan pokok popi melibatkan pengeluaran sebanyak 8,200 tan ganja atau 93 peratus pengeluaran dunia.

UNODC turut menganggarkan lima juta penduduk dunia bergantung kepada sumber kewangan hasil daripada penanaman bahan terlarang itu. Tanaman terlarang ini dianggap sebagai sumber kepada kewangan pegganas, insurgen, dan warlords. Pada masa yang sama ia juga membinasakan masyarakat dan ekonomi serta meluaskan pengaruh ketagihan dadah serta penyebaran HIV.

Jadi melalui statistik yang saya sebutkan di atas, menunjukkan pentingnya untuk kita mempunyai hari tertentu sebagai peringatan kepada semua rakyat di negara ini supaya mempunyai kesedaran dan komitmen untuk bangkit memerangi gejala dadah.

Bagaimana dengan isu penahanan rakyat kita yang didakwa cuba menyeludup dadah di luar negara?

Syed Hamid : PDRM dengan kerjasama pihak antarabangsa seperti Interpol sentiasa memantau kegiatan sindiket yang merekrut rakyat Malaysia terutamanya wanita untuk dijadikan pembawa

dadah di luar negara. Hasil siasatan pula menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia yang ditahan telah terpedaya dengan tawaran untuk membawa serbuk emas kerana terpengaruh dengan janji bayaran lumayan.

Oleh itu, kita sentiasa mengingatkan pada semua pihak terutamanya melalui media tentang penipuan ini dan perlunya untuk orang ramai yang ingin ke luar negara atas urusan kerja ataupun melancong sekalipun, agar memeriksa dengan teliti beg yang dibawa. Jangan sesekali terpedaya dengan kemesraan dan kebaikan orang yang kita baru kenal sehingga mudah tertipu. Ramai akan bersetuju jika saya katakan bahawa tiada yang percuma atau habuan lumayan yang boleh datang sekelip mata sahaja.

Apakah pendapat Datuk Seri mengenai penyeludupan yang masih berleluasa berdasarkan kepada laporan berita yang dilaporkan?

Syed Hamid : Kita perlu memahami bahawa sempadan maritim dan darat Malaysia terbuka luas, jadi ia memudahkan transmisi penyeludupan dadah. Namun begitu pasukan keselamatan telah

mempertingkatkan usaha pencegahan di semua pintu masuk darat, laut dan udara yang diharap membawa kesan positif, mengenakan hukuman berat termasuk hukuman mati mandatori, merampas, menyita dan melucut hak harta pengedar dadah.

KDN sentiasa melakukan penambahbaikan usaha-usaha perisikan bagi menyekat kegiatan penyeludupan jenayah dan meningkatkan keupayaan kerjasama antara kakitangan agensi penguatkuasaan. Kita juga

sentiasa mengadakan pertukaran maklumat melalui kerjasama negara ASEAN dan antarabangsa.

Kita perlu ingat bahawa sindiket dadah bersifat antarabangsa impak daripada proses globalisasi dan ledakan ICT. Jadi kerjasama di antarabangsa menjadi keperluan yang mustahak masa kini bagi menangani jenayah sindiket antarabangsa dadah. Selain faktor penyeludupan dadah, trend terkini memperlihatkan penglibatan warga asing di dalam sindiket memproses syabu adalah kerana mereka mempunyai kepakaran dalam kegiatan berkenaan. Bagaimanapun, usaha akan terus dilaksanakan bagi mempertingkatkan kegiatan untuk membanteras kes-kes sedemikian rupa.

Mengenai HADA 2008, apakah harapan Datuk Seri khususnya kepada penglibatan orang ramai terhadap program ini?

Syed Hamid : Seperti mana yang selalu saya cakap, kita semua perlu merasa bertanggungjawab untuk memerangi gejala dadah. Sebagaimana kita berjaya memerangi ancaman ideologi Komunisme berkat usahasama semua ahli masyarakat, begitulah hasrat saya untuk melihat isu ini diperangi oleh rakyat secara kolektif.

Oleh itu di kesempatan ini, saya berharap agar semua pihak sama ada pihak swasta, kelab-kelab belia atau individu-individu yang berminat, sila hadir untuk memeriahkan lagi program ini. Saya ingin menyeru agar semua masyarakat dapat bersama-sama menjayakan program sebegini bagi menyatakan komitmen kita dengan jelas bahawa kita boleh mencapai Negara Bebas Dadah menjelang tahun 2015 dengan sokongan anda semua.